

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ (BACHOK)**

SOALAN NO. 327

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah orang yang hilang pekerjaan sepanjang tahun 2018 mengikut sektor, umur dan jenis pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, ekonomi Malaysia masih berdepan persekitaran mencabar. Permintaan sektor swasta dijangka kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan namun kejatuhan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan, pemaksimaan teknologi maklumat dan komunikasi memfokuskan kepada aktiviti utama serta penjualan anak syarikat yang tidak menghasilkan keuntungan menyebabkan berlakunya pengecilan tenaga kerja atau pengurangan jumlah pekerja.

2. Berdasarkan notifikasi yang diterima oleh kementerian, bilangan pekerja yang diberhentikan di sektor swasta tahun 2018 adalah seramai 23,168 orang pekerja yang melibatkan 17,236 (74.4%) pemberhentian biasa dan 5,932 (25.6%) pemberhentian sukarela (*volunteer separation scheme, VSS*).

3. Perbandingan mengikut sektor menunjukkan pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor pembuatan bagi tahun 2018 iaitu sebanyak 11,254 (48.58%) pekerja terlibat. Diikuti dengan sektor

SOALAN NO : 327

maklumat dan komunikasi iaitu sebanyak 1,997 (8.62%) pekerja terlibat. Manakala sektor perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal sebanyak 1,425 (6.15%) pekerja terlibat.

Perincian pemberhentian pekerja mengikut sektor adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Jumlah Pemberhentian Pekerja Mengikut Sektor dan Peratusan Bagi Tahun 2018.

Bil	Sektor	2018	(%)
1	Pembuatan	11,254	48.58%
2	Maklumat dan komunikasi	1,997	8.62%
3	Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motorsikal	1,425	6.15%
4	Aktiviti profesional , saintifik dan teknikal	1,181	5.10%
5	Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	1,125	4.86%
6	Perlombongan dan pengkuarian	1,014	4.38%
7	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	961	4.15%
8	Pembinaan	949	4.10%
9	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	777	3.35%
10	Aktiviti kewangan dan insuran / takaful	749	3.23%
11	Pengangkutan dan penyimpanan	665	2.87%
12	Pertanian, perhutanan dan perikanan	579	2.50%
13	Pendidikan	174	0.75%
14	Aktiviti kesihatan, kemanusiaan dan kerja sosial	103	0.44%
15	Aktiviti perkhidmatan lain	96	0.41%
16	Aktiviti hartanah	60	0.26%
17	Kesenian, hiburan dan rekreasi	28	0.12%
18	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	20	0.09%
19	Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemuliharaan	11	0.05%
Jumlah		23,168	100

Sumber: Labour Market Database (LMD), JTKSM

SOALAN NO : 327

4. Berdasarkan rekod Kementerian ini, kategori pekerja profesional mencatatkan bilangan pemberhentian paling tinggi iaitu seramai 4,827 orang (20.8%). ini diikuti oleh pentadbiran dan pengurusan seramai 3,649 orang (15.8%) dan pekerjaan am seramai 3,238 orang (14.0%). pemberhentian pekerja yang tinggi dalam kategori profesional, pentadbiran pengurusan dan pekerja am disumbangkan oleh sektor maklumat dan komunikasi, sektor pembuatan dan juga sektor perdagangan borong dan runcit.

5. Perincian pemberhentian pekerja mengikut kategori pekerjaan bagi tahun 2018 adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2: Pemberhentian Pekerja Mengikut Kategori Pekerjaan dan Peratusan Bagi Tahun 2018

Bil	Kategori Pekerjaan (MASCO)	Bilangan Pekerja	(%)
1	Profesional	4,827	20.8%
2	Pentadbiran, Pengurusan	3,649	15.8%
3	Pekerjaan Am	3,238	14.0%
4	Operator Dan Pemasang Loji Dan Mesin	3,010	13.0%
5	Kerja Perkhidmatan, Kedai Dan Jualan	2,977	12.8%
6	Juruteknik Dan Pekerja Yang Berkaitan	2,627	11.3%
7	Kerja Perkeranian	2,547	11.0%
8	Kerja Pertanian Dan Perikanan Mahir	152	0.7%
9	Kerja Pertukangan Dan Yang Berkaitan	141	0.6%
10	Lain-lain	0	0.0%
Jumlah		23,168	100.0%

Sumber: Labour Market Database (LMD) JTKSM